

**SOALAN LAZIM (FAQ)
PROGRAM PENSKALAAN PERNIAGAAN INKLUSIF (SKALA-IB)**

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Program Penskalaan Perniagaan Inklusif (Skala-IB)?	<ul style="list-style-type: none"> • Program Penskalaan Perniagaan Inklusif (Skala-IB) merupakan inisiatif di bawah SME Corp. Malaysia untuk menskalakan syarikat bagi menjalankan perniagaan mengikut model Perniagaan Inklusif. • Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan, kecekapan dan daya saing syarikat bagi memperkukuh operasi dan rantai nilai / bekalan menerusi model Perniagaan Inklusif. <p><u>Nota:</u> Perniagaan Inklusif (IB) ialah perniagaan berdaya maju secara komersial yang menyediakan produk, perkhidmatan dan sumber pendapatan pada skala besar atau berpotensi untuk berskala besar dengan penglibatan komuniti inklusif dalam rantai nilai perniagaan sebagai pembekal, pengedar, peruncit atau penyedia perkhidmatan.</p>
2.	Apakah jenis bantuan yang disediakan?	<ul style="list-style-type: none"> • Geran pembangunan kapasiti dengan kadar pembiayaan 90% dari jumlah kos keseluruhan projek. <p>Had pembiayaan sehingga maksimum RM200,000.00 bagi setiap syarikat IB berkelayakan yang memenuhi definisi dan berstatus PKS.</p>
3.	Apakah skop bantuan yang ditawarkan di bawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan infrastruktur / pengubahsuaian premis & kilang ii. Pembelian mesin & peralatan (Produktiviti & Automasi) iii. Modal kerja iv. Teknologi & digitalisasi termasuk sistem & aplikasi v. Akses kepada pasaran termasuk promosi, pembungkusan & penjenamaan vi. Penyelidikan & Pembangunan (R&D) termasuk pembangunan dan inovasi produk, pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) & pengujian produk
4.	Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan bagi Program ini?	Bagi tahun 2026, sejumlah RM2 juta diperuntukkan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah tertakluk kepada ketersediaan dana.
5.	Adakah Program ini terbuka kepada PKS dalam semua sektor ekonomi?	Program ini terbuka kepada semua sektor ekonomi KECUALI sektor berkaitan perbankan, insurans, hartanah dan urusan berniaga dalam sekuriti.

Bil.	Soalan	Jawapan
6.	Apakah kriteria kelayakan bagi Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> i. Hanya syarikat yang memenuhi definisi PMKS dan telah memperoleh Pengiktirafan Perniagaan Inklusif (IB) daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sahaja LAYAK UNTUK DIPERTIMBANGKAN ii. Perusahaan kecil dan sederhana dengan jualan tahunan sekurang-kurangnya RM300,000.00 dan jumlah pekerja sepenuh masa sekurang-kurangnya lima (5) orang iii. Perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 (Sdn. Bhd.) iv. Sekurang-kurangnya 60% ekuiti milikan warganegara Malaysia v. Beroperasi di premis perniagaan yang sah dengan Lesen Premis Perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau yang setara daripada pihak berwajib yang berkaitan vi. Syarikat dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran Status PMKS dan Penyata Kewangan Diaudit sekurang-kurangnya dua (2) tahun (terkini) dan Penyata KWSP (terkini) vii. Memiliki Sijil Penarafan SCORE yang masih dalam tempoh sah laku ATAU sekiranya telah berdaftar bagi penilaian SCORE, Sijil Penarafan SCORE perlu dikemukakan sebelum membuat tuntutan akhir viii. Projek yang dilaksanakan melibatkan komuniti dengan sekurang-kurangnya 20 peserta
7.	Bagaimana cara untuk membuat permohonan dan siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat / penjelasan lanjut?	<p>Sebarang pertanyaan lanjut atau permohonan boleh dikemukakan kepada:</p> <p>Urus Setia Program Penskalaan Perniagaan Inklusif (Skala-IB): Bahagian Pembangunan Inklusif SME Corp. Malaysia Aras 6, Blok C, Platinum Sentral Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur Info Line : 03-9213 0077 E-mel: skala-ib@smecorp.gov.my</p>
8.	Bilakah tarikh pembukaan permohonan?	Permohonan dibuka dari Februari 2026 hingga penerimaan permohonan mencapai jumlah komitmen maksimum, tertakluk kepada ketersediaan dana.

Bil.	Soalan	Jawapan
9.	Berapakah kadar yuran yang dikenakan kepada pemohon?	<ul style="list-style-type: none"> i. Yuran Pentadbiran: RM3,000.00 bagi setiap syarikat yang diluluskan permohonan (satu kali sahaja) ii. Yuran Pemprosesan Rayuan (satu kali sahaja), termasuk permohonan lanjut tempoh, perubahan spesifikasi, pertukaran pembekal dan sebagainya: RM1,000.00
10.	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan?	<ul style="list-style-type: none"> i. Pendaftaran SSM ii. Surat pengiktirafan Perniagaan Inklusif (IB) daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iii. Lesen Premis Perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan / setara iv. Penyata Kewangan Diaudit dua (2) tahun (terkini) v. Penyata KWSP (terkini) vi. Penyata Bank tiga (3) bulan (terkini) vii. Sijil Pendaftaran Status PMKS viii. Sijil Penarafan SCORE / Bukti pendaftaran SCORE ix. Dua (2) Sebutharga daripada pembekal x. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan
11.	Adakah syarikat perlu mendaftar Status PMKS?	Ya, syarikat perlu memperoleh Sijil Pendaftaran Status PMKS dan mengemukakan salinannya semasa membuat permohonan Program ini.
12.	Adakah syarikat perlu menjalani Penarafan SCORE?	<p>Ya, syarikat perlu menjalani Penarafan SCORE dan mengemukakan salinan Sijil Penarafan SCORE semasa membuat permohonan Program ini.</p> <p>Jika tidak, syarikat perlu sekurang-kurangnya memohon Penarafan SCORE dan mengemukakan bukti pendaftaran semasa membuat permohonan Program ini. Salinan Sijil Penarafan SCORE perlu dikemukakan sebelum membuat tuntutan akhir.</p>